

# Kedudukan sistem pendidikan tinggi kita terus meningkat

## Pencapaian ranking ke-27 daripada 50 negara bukti universiti tempatan berkualiti

**A**wal pagi minggu lalu saya menerima panggilan telefon daripada Ketua Setiausaha II di Kementerian Pendidikan, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang. "Tuan, saya ada berita baik," katanya.

"Kedudukan sistem pendidikan tinggi negara kita telah meningkat dari kedudukan ke-28 ke kedudukan ke-27 daripada 50 negara menurut Ranking Sistem Pendidikan Tinggi Kebangsaan Universiti 21 (juga dikenali sebagai Ranking U21). Kita juga berada pada kedudukan ke-21 apabila diselaraskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan tahap pembangunan dan berjaya mengatasi Singapura, Jepun, Jerman dan Hong Kong".

Saya menjawab: "Alhamdulillah, pencapaian yang baik, tetapi saya percaya kita boleh lebih baik lagi."

"Saya bersetuju, Tuan," kata Zaini.

Pada bulan Mei lalu, Quacquarelli Symonds menerbitkan Ranking University Dunia Mengikut Subjek QS 2015. Terdapat peningkatan universiti tempatan dalam ranking itu.

Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaya (UM) masing-masing mempunyai satu subjek dalam kelompok 50 terbaik dunia. USM pada kedudukan ke-31 dunia dalam subjek Sains Alam Sekitar, manakala UM pada kedudukan ke-32 dunia dalam subjek Sains Sosial.

Selain itu, sembilan subjek disenaraikan dalam kelompok 51 hingga 100 terbaik dunia dan ini dicapai lima universiti awam (UA) kita, iaitu USM, UM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Universiti berkenaan memegang status universiti penyelidikan (RU), inisiatif yang dimulakan pada tahun 2006 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (ketika itu).

UM mendahului dengan enam subjek dalam kelompok 51 hingga 100 terbaik dunia, termasuk subjek Bahasa dan Kesusasteraan Inggeris, Linguistik, Seni Bina dan Alam Bina, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan juga Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Aeronautikal dan Pembuatan.

USM pula mempunyai lima subjek dalam kelompok 51 hingga 100 terbaik dunia, termasuk Seni Bina dan Alam Bina, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kajian Pembangunan dan juga Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautikal dan Pembuatan.

UTM mempunyai dua subjek iaitu Seni Bina dan Kajian Pembangunan serta Kejuruteraan Kimia sementara UPM dan UKM masing-masing mempunyai satu subjek iaitu Pertanian dan Perhutanan dan Kajian Pembangunan dalam kelompok 51 hingga 100 terbaik di dunia.

Jika diperluaskan senarai hingga kelompok 200 subjek terbaik, ada dua universiti

swasta iaitu Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) yang tersenarai. Secara keseluruhan, 10 UA dan institusi pengajian tinggi swasta tergolong dalam kelompok 200 teratas di dunia merentasi 26 bidang, termasuk Geografi, Farmakologi, Pengajian Perniagaan, Ekonomi dan Undang-Undang. Saya gembira melihat kebanyakan fakulti kejuruteraan kita tergolong dalam 100 terbaik di dunia.

Selain Ranking Subjek QS, universiti kita menunjukkan prestasi baik dalam ranking lain. Sebagai contoh, UPM berada pada kedudukan ke-54 terbaik dunia (ketujuh di Asia dan pertama di Asia Tenggara) dalam bidang sains pertanian mengikut Best Global University Rankings.

### UIAM terbaik Perbankan Islam

Berdasarkan penyelidikan Elsevier, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) adalah universiti terbaik dunia dalam bidang Perbankan Islam, khususnya dari segi penulisan artikel yang diterbitkan (11 peratus daripada jumlah keseluruhan penerbitan dunia).

Ranking subjek adalah penunjuk penting pertumbuhan dan peningkatan sistem pengajian tinggi. Dalam laporan bertajuk *An Avalanche is Coming: Higher Education and the Revolution Ahead* yang diterbitkan pada tahun 2013, dinyatakan masa depan pendidikan tinggi adalah melalui pendekatan *Niche University* atau Universiti Khas - universiti memberi tumpuan khusus kepada bidang tertentu berbanding tumpuan yang

umum. Ini akan memastikan universiti tempatan mengekalkan relevansi dan berdaya saing dalam landskap pendidikan tinggi global.

Laporan itu yang diterbitkan pertubuhan pemikir United Kingdom, Institute for Public Policy Research (IPPR) bersama dengan Pearson, juga menyebut kewujudan universiti dan kemampuannya untuk menarik pelajar antarabangsa bergantung kepada kelebihan berbanding yang dipengaruhi geografi, alam sekitar dan kekuatan kandungan setempat. Dalam hal ini, saya percaya kita berada pada landasan betul dan perlu mengekalkan tumpuan untuk terus bergerak ke hadapan.

### Jumlah penyelidikan meningkat

Pada awal bulan April, akhbar Thailand *The Nation* melaporkan "Ahli akademik Malaysia 'membuat kejutan' dengan menewaskan rakyat Thailand dan Singapura dalam penyelidikan. Laporan itu menyatakan penyelidik Malaysia menghasilkan 47,000 artikel atau hampir dua kali ganda penyelidik Thailand. Singapura pada masa sama menghasilkan 34,000 artikel."

Mengikuti laporan berkenaan, 'Pertumbuhan mendadak bilangan penyelidikan adalah kerana Kerajaan Malaysia secara agresif meningkatkan pembiayaan penyelidikan berbanding Kerajaan Thailand'.

Seperti dinyatakan sebelum ini, ini bertepatan inisiatif Universiti Penyelidikan yang bermula pada tahun 2006. Alhamdulillah, kelihatan inisiatif ini membuahkan hasil dan ini satu petanda menggalakkan.

Ramai orang menyatakan kepada saya bahawa kuantiti tidak semestinya bermaksud kualiti. Saya bersetuju. Peningkatan kualiti adalah proses berterusan dan biasanya ditunjukkan bilangan sitasi sesebuah penerbitan itu terima.

Dalam hal ini, pada tahun 2014, em-

pat profesor UA kita tersenarai dalam senarai 'Minda Saintifik Paling Berpengaruh Dunia 2014' yang diterbitkan Thomson Reuters. Profesor dari USM, UKM dan UM telah menerima penghormatan itu berdasarkan jumlah sitasi yang tinggi oleh penerbitan mereka dalam bidang termasuk kejuruteraan, matematik dan kejuruteraan kimia.

Pada pandangan saya, ini menunjukkan kita mempunyai kualiti dan ada ramai lagi penyelidik kita yang hebat. Bagaimanapun, ini perlu ditingkatkan dan saya yakin kita boleh.

Ada banyak cara untuk mengukur kejayaan sistem pendidikan tinggi Malaysia. Di atas, saya telah menekankan beberapa kayu ukur - berdasarkan sistem pendidikan tinggi secara keseluruhan, berdasarkan subjek dan berdasarkan penerbitan.

Pada masa sama, tidak dilupakan persepsi majikan, ibu bapa dan masyarakat, serta realiti prestasi graduan kita dalam industri juga penting dan adalah pertimbangan yang tidak boleh dikesampingkan.

Yang pentingnya, hari ini kita harus memahami bahawa sistem pendidikan negara sedang bertambah baik. Kita harus bangga dan teruskan usaha serta tidak ceptak untuk mengkritik. Sebenarnya, ramai pensyarah, pemimpin dan pelajar sendiri berusaha kuat untuk memastikan agar mencapai pencapaian yang membanggakan dan dapat

mengharumkan nama negara di perbatasan antarabangsa.


Dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi) baru-baru ini dan sokongan berterusan daripada semua pihak, insya-Allah, kita boleh terus ke hadapan dan menjamin peningkatan yang berterusan.

**Penulis** ialah Menteri Pendidikan II

**"Ini menunjukkan kita mempunyai kualiti dan ada ramai lagi penyelidik kita yang hebat. Bagaimanapun, ini perlu ditingkatkan dan saya yakin kita boleh"**



IDRIS JUSOH



**Sokongan berterusan semua pihak mampu melonjakkan sistem pendidikan negara ke ranking yang lebih baik.**